

**BERNAMA Diperguna Sebar Berita Palsu Cemar Imej Kerajaan
Bernama
24 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Bernama hari ini menafikan telah mengeluarkan berita mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung pemberian bonus Raya kepada kakitangan awam yang kononnya disiarkan melalui portal berita www.bernama.com.

Pengurus Besar Bernama Datuk Yong Soo Heong berkata beliau percaya ada usaha pihak tertentu untuk memburuk-burukkan kerajaan dengan menggunakan Bernama ketika pengundian bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Besut berlangsung hari ini.

"Bernama sering dipergunakan pihak tidak bertanggungjawab untuk mencemarkan imej kerajaan memandangkan agensi berita nasional ini terkenal dengan kewibawaan dan kesahihan berita yang dikeluarkannya," kata beliau dalam satu kenyataan.

Ibu pejabat Bernama di sini dimaklumkan mengenai berita palsu itu yang disebarikan melalui laman sosial Facebook oleh wartawannya yang membuat liputan pilihan raya kecil berkenaan.

Berita palsu dua perenggan itu turut diselitkan gambar perdana menteri yang kononnya sedang bercakap pada sidang akhbar di Kuala Besut.

Yong berkata ada kemungkinan ia hasil manipulasi menggunakan aplikasi 'Screenshot' dan 'Photoshop'.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965917>